

Qhuwarismi buru gelaran

Kuala Lumpur: Pengurus Weststar Motorsport Razali Ahmad mengaku terkejut dengan prestasi cemerlang Qhuwarismi Mohd Nasir dalam kategori Wira Kejua-raan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS musim ini dan berharap pelumba itu meneruskan momentum pada Pusingan 4 keempat di Kuala Terengganu, hari ini.

Mengumpul 33 mata selepas tiga perlumbaan, Qhuwarismi kini menghuni

tangga keempat keseluruhan, 37 mata di belakang pendahulu, Harith Farhan Baharin (Kozi Yam Honda Racing).

Malah Razali turut yakin jika prestasi sama dikekalkan, pelumbanya itu berpeluang mengejar gelaran Wira pada musim ini.

“Memang saya agak terkejut dengan prestasi dan pencapaian Qhuwarismi setakat ini. Kami pasukan baru musim ini, masih

mencari keserasian mekanik dan juga persiapan jentera namun dia berjaya menunjukkan keputusan positif.

“Selalunya pasukan baru memerlukan sedikit masa mendapatkan keserasian dan aksi kompetitif namun dengan prestasi ketika ini, kami percaya dia mampu merapatkan jurang dengan pendahulu selain bersaing mengejar gelaran keseluruhan,” jelas Razali.



QHUWARISMI (tengah)
kumpul 33 mata.